


# Jaga keselamatan keluarga anda. 3 langkah untuk menguji Pemutus Litar Arus Sisa anda.

## Apakah Pemutus Litar Elektrik (RCCB)?

Pemutus litar ialah alat keselamatan yang memutuskan bekalan elektrik apabila ia mengesan kebocoran elektrik di rumah anda. Alat ini melindungi anda dan keluarga anda daripada renjatan elektrik.

1



**Petua:** Sebelum menguji RCCB anda, lindungi peralatan elektrik anda dengan mematikannya terlebih dahulu.

Uji RCCB dengan menekan butang TEST. Suis RCCB akan terturun ke bawah, memutuskan semua bekalan kuasa di rumah anda.


2



Uji semua suis lampu dan soket kuasa anda di setiap bilik. RCCB berfungsi jika lampu dan perkakas anda tidak menyala.

**\*PENTING:** Jika ada sebarang lampu atau soket kuasa terus berfungsi apabila suis RCCB diturunkan, ia bermakna rumah anda tidak terlindung sepenuhnya oleh RCCB. Hubungi Pekerja Elektrik Berlesen dengan segera.

3



Matikan semua lampu dan soket kuasa. Balikkan suis RCCB ke atas untuk memulihkan bekalan kuasa dan hidupkan lampu serta peralatan yang anda perlukan.

## Di manakah terletak RCCB saya?

Cari kotak papan edaran elektrik anda di rumah. Cari suis dengan butang ujian. Ini adalah RCCB anda.

## Tidak menemui RCCB anda?

Untuk flat HDB, hubungi Talian Perkhidmatan Cawangan HDB anda di [1800-225-5432](tel:1800-225-5432) atau gunakan Borang e-Maklum Balas di [www.hdb.gov.sg/efeedback](http://www.hdb.gov.sg/efeedback)



Untuk perumahan privet, sila hubungi Pekerja Elektrik Berlesen dengan mengimbas kod QR atau layari laman web [go.gov.sg/search-elise](http://go.gov.sg/search-elise) untuk mendapatkan bantuan.

RCCB

